



**TS. MOHAMAD HAMIDI  
BIN HJ. MOHD JAIS**

**Emel: mhamidi102@uitm.edu.my**

Ijazah Sarjana Muda	:	Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (2003)
Universiti	:	Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Bidang Pengkhususan	:	Pengurusan Rekod
Sijil	:	Sijil Pengaturcaraan (1997)
Universiti / Institut	:	Institut Teknologi MARA (ITM)
Bidang Pengkhususan	:	Pengaturcaraan Komputer
Ts. MOHAMAD HAMIDI BIN MOHD JAIS (Teknologis Profesional)		Lembaga Teknologis Malaysia (No. Perakuan PT20080237)
Teknologis Berijazah Bidang Teknologi: <i>Information And Computing Technology</i>		Lembaga Teknologis Malaysia (No. Perakuan GT18080335)

**KENALI PUSTAKAWAN  
ANDA**

# Apakah Peranan Pustakawan?

*Apakah peranan Pustakawan dalam menangani berita-berita palsu di pelbagai platform media sosial yang berkemungkinan dijadikan sebagai sumber penulisan?*

“

Pustakawan memainkan peranan penting serta bertanggungjawab untuk menyedarkan masyarakat mengenai penyebaran berita palsu. Pustakawan perlu mendidik masyarakat untuk menyemak terlebih dahulu kesahihan sesuatu maklumat. Pustakawan juga perlu membantu kerajaan dalam membendung penularan berita palsu melalui peringatan, memberi sumber rujukan sesuatu sumber informasi disebarkan sama ada dalam bentuk posting atau video mengenai cara untuk mengesan berita palsu dan bahaya penularan berita palsu.

Literasi media merujuk kepada keupayaan dalam mengakses, memahami, menganalisis dan menilai sesuatu kandungan mesej atau maklumat, juga berkait rapat dengan kematangan dalam mengendalikan platform tersebut. Di sinilah pentingnya literasi media agar masyarakat mempunyai pengetahuan dalam membezakan antara maklumat baik dan maklumat buruk. Keperluan mengenalpasti sumber sama ada ianya primary sources, secondary sources atau pun tertiary sources perlu didedahkan oleh Pustakawan bagi membantu masyarakat mengendalikan media sosial dengan cara sepatutnya. Pengetahuan ini boleh membantu mengenalpasti sumber sesuatu maklumat itu diperoleh sebelum ia tersebar di media sosial.

Kepentingan mendidik serta memberi pendedahan mengenai asas maklumat juga perlu diterapkan kepada masyarakat sejak dari awal persekolahan bagi membendung serta menangani berita-berita palsu terutama sekali di pelbagai platform media sosial. Tahap literasi media yang baik dapat membantu masyarakat membuat perbandingan sesuatu laporan dengan merujuk kepada sumber lain sebelum membuat andaian atau menghukum, lebih-lebih lagi membabitkan isu sensitif dan politik.

Adalah amat penting seseorang Pustakawan mempunyai pengetahuan dari segi undang-undang contohnya seperti Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Fitnah dan Akta Hasutan yang boleh membawa hukuman denda atau penjara di samping menyedarkan masyarakat akan implikasi penyebaran berita palsu dari segi aspek undang-undang.

Secara kesimpulannya, masyarakat perlu mengamalkan nilai-nilai murni, kebebasan, demokrasi dan hak untuk mendapatkan maklumat tetapi pada masa yang sama, kerajaan juga perlu mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang mengambil kesempatan untuk menyebarkan berita palsu ini.

**KENALI PUSTAKAWAN**  
**ANDA**